

12/06/1998

Iklan: Ambil kira sensitiviti rakyat

Yang Cintakan Kedamaian

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini dikurniakan ijazah kehormat dari Universiti al-Azhar sebagai mengiktiraf dan menghormati kepemimpinan beliau sebagai seorang pemimpin negara umat Islam yang berkaliber dan dihormati dunia. Beliau juga pernah dinobatkan sebagai pemimpin negara umat Islam Dunia ketiga. Ini semua adalah kerana kepercayaan bahawa beliau mampu membangunkan negara umat Islam setaraf dengan negara-negara membangun yang lain.

Kita sebagai rakyat Malaysia cukup berbangga dengan penghormatan itu kerana negara kita diiktiraf sebagai sebuah negara umat Islam yang maju dan dinamis. Di antara penghormatan dari dunia yang kita banggakan ialah dengan terpilihnya negara kita sebagai tuan rumah Sukan Komanwel iaitu acara sukan yang kedua terbesar di dunia dan menjadi negara Asia pertama diberi penghormatan seumpama ini.

Di tengah-tengah kesibukan dan keghairahan kita untuk menyambut ketibaan Sukan Komanwel ini, perasaan umat Islam yang tadinya cukup berbangga menjadi umat Islam di Malaysia, sedikit terguris akibat tidak sensitifnya segolongan kecil pihak yang berkuasa dalam mengendalikan Sukan Komanwel ini dengan mengizinkan syarikat minuman arak menjadi penaja utama dalam sukan yang dinanti-nantikan oleh kita semua. Umat Islam khususnya baru menyedari akan perkara ini apabila melihat rata-rata iklan minuman itu di dinding kenderaan awam seperti bas dan teksi dalam mempromosikan Sukan Komanwel.

Kita berasa lega dengan kenyataan Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Mohd Ali Rustam, yang mengarahkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengambil tindakan tegas terhadap syarikat yang terbabit dalam mempamerkan iklan itu dan hasilnya terdapat beberapa bas mematuhiinya. Sekalung tahniah diucapkan kepada keprihatinan Ali Rustam itu yang bertindak setakat di bawah kekuasaannya dan selaku pengerusi Belia 4B yang tentu tidak mahu melihat pemuda-pemudi negara kita terbabit dengan gejala minuman arak.

Apa yang sedikit mendukacitakan kita ialah kenyataan Ketua Pengarah JPJ, Datuk Pahamin Rejab, yang mendakwa iklan itu tidak melanggar Akta Pengangkutan Jalan walaupun Ali Rustam berpendapat bahawa iklan itu melanggar Kaedah 37, Kaedah Kenderaan Pengangkutan Perdagangan 1959 yang melarang mana-mana pemilik bas menggunakan bas mereka untuk mempamerkan bahan yang dianggap tidak bermoral termasuk minuman keras.

Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad, Tan Sri Hashim Mohd Ali, pula berkata: "Tidak perlu diheboh-hebohkan perkara ini kerana kita menganggap syarikat berkenaan sama seperti syarikat rokok yang dibenarkan iklan mereka."

Kalau begitulah hakikatnya, kenapa kerajaan kita bertindak tegas dengan mengharamkan iklan arak yang suatu masa dahulu menjadi hiburan sampingan di kaca-kaca TV. Kerajaan bolehlah membenarkan semula iklan arak dengan syarat tiada ditunjukkan arak itu (sama ada dalam gelas, tin atau botol) hanya perkataan jenama itu saja.

Kita tidak mahu Ijazah Kehormat yang dianugerahkan oleh Universiti Al-Azhar kepada pemimpin yang kita sayangi itu ditarik balik semata-mata kerana sedikit kesilapan yang tidak diambil berat oleh segelintir pihak yang berkenaan. Umat Islam perlu lebih sensitif dengan arak berbanding dengan agama lain dan perkara ini perlulah dihebohkan kerana ianya berlawanan dengan kehendak kerajaan kita yang mahu menangani gejala sosial yang semakin berleluasa. Sebagaimana sabda Nabi Muhammad yang bermaksud:

`Arak ialah ibu kepada segala maksiat'.

Konsep keberkatan sebagaimana yang sering diutarakan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim, adalah konsep yang mesti dipandang tinggi oleh masyarakat. Kita tidak mahu dengan penajaan iklan ini akan membuat doa masyarakat tidak akan dimakbulkan dan sebaliknya mencetuskan kemarahan yang tidak dapat dibendung lagi di kalangan masyarakat umum.

Kita percaya bahawa dengan menolak penajaan minuman keras, upacara sukan ini akan lebih gemilang dengan bantuan daripada semua pihak. Janganlah sampai masyarakat mengadakan demonstrasi protes atas kejadian ini dan selepas itu barulah pihak terbabit mengambil tindakan sewajarnya. Kita tidak mahu akibat terlalu mementingkan penajaan maka segala gejala negatif dibenarkan.